


# Niabah Haji

Al-Fiqh : Bab 2

---



# Pengertian Niabah Haji

**Bahasa :** Menggantikan

**Istilah :**

- Mengerjakan haji untuk orang lain yang masih hidup atau yang telah meninggal dunia dengan syarat-syarat tertentu
- boleh dilakukan untuk ibadat umrah

**Dalil Keharusan  
Niabah Haji :**

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنه قَالَ : حَاجَتِ امْرَأَةٌ مِنْ خَنَعَمَ عَامَ حَجَّةِ الْوَدَاعِ، فَقَالَتْ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ قَرِيضَةَ اللَّهِ عَلَيَّ عِبَادِهِ فِي الْحَجِّ أَذْرَكَتْ أَبِي شَيْخًا كَبِيرًا لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يَسْتَوِيَ عَلَيَّ الرَّاحِلَةَ فَهَلْ يَقْضِي عَنْهُ أَنْ أُحْجَّ عَنْهُ؟  
قَالَ: نَعَمْ. وَذَلِكَ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ.

**ارتين:**

دردفد ابن عباس رضي الله عنه، بلياو بركات، "ساورغ وانيتا درفد سوکو ختعم داتغ کفد نبي ﷺ دالم تاهون حج الوداع لالو وانيتا ايت بركات، واهاي رسول الله ﷺ! کواحيفن الله ﷻ کفد همبان فد حج تله دکناکن کفد باف ساي دالم کأداعن سوده توا، تيدق بوليه مناعيقی کندراعن، بولييهکه ساي مفرجاکن حج باکين؟ نبي ﷺ برسبدا: يا، فريستيو ايت ترجادي کتيک حج الوداع.

روایت البخاري دان مسلم





# Hukum



Jamhur Ulama' Daripada Mazhab Hanafi, Syafii' Dan Hanbali

- Mengharuskan niabah haji bagi orang yang masih hidup dalam keadaan dia tidak mampu untuk mengerjakannya sendiri atau bagi orang yang telah meninggal dunia
- Mazhab Syafii' : wajib jika tidak mampu untuk menunaikan haji dengan sendiri disebabkan sakit yang tiada harapan sembuh atau terlalu tua tetapi dia mempunyai wang yang mencukupi untuk mengupah orang lain mengerjakan haji bagi dirinya
- Juga wajib ke atas orang yang meninggal dunia dalam keadaan dia telah cukup syarat-syarat tetapi dia tidak sempat menunaikannya sehingga wafat
- Upah haji wajib diambil daripada harta peninggalan sebelum hartanya diagihkan kepada ahli warisnya





# Hukum

## Ulama' Mazhab Maliki

- Tidak sah sama ada bagi orang yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia
- Kecuali jika orang yang meninggal dunia mewasiatkan supaya dilakukan haji untuknya
- Hukumnya adalah makruh
- Ulama mazhab Maliki berpegang kepada kaedah asal ibadat
- Iaitu tidak boleh berlaku niabah dalam ibadat badaniyyah"seperti solat

# Syarat-Syarat Niabah Haji

---


## Orang yang dilakukan niabah haji untuknya

1. Telah cukup syarat-syarat wajib mengerjakan haji
  2. Tidak mampu menunaikan haji dengan sendiri kerana sakit, terlalu tua atau meninggal dunia
  3. Bagi yang masih hidup, ketidakmampuan mestilah berterusan sehingga meninggal dunia
- 




## Orang yang melakukan niabah haji

1. Baligh
  2. Berakal
  3. Telah mengerjakan haji untuk diri sendiri
  4. Mendapat keizinan untuk menjadi wakil mengerjakan haji bagi orang yang masih hidup
  5. Berniat untuk melakukan haji untuk orang yang diwakilinya
  6. Berniat ihram di miqat orang yang diwakilinya atau miqat yang lebih jauh
- 





# **Kepentingan Niabah Haji dalam Kehidupan**

- Memberi peluang kepada orang yang sakit atau meninggal dunia untuk menunaikan kewajipan kerana mereka tidak mampu melakukannya dengan sendiri
  - Mengeratkan hubungan silaturrahim dan kekeluargaan antara ahli keluarga
  - Memupuk semangat dan kasih sayang kepada golongan yang tidak berupaya dan kaum kerabat yang telah meninggal dunia
  - Memberi peluang kepada kaum kerabat untuk berbakti kepada ahli waris yang telah meninggal dunia
- 

# Syarat-Syarat Niabah Haji

Lambang keperihatinan syarak  
terhadap golongan yang lemah  
dan tidak berdaya

Rahmat Allah kepada manusia  
dengan memberikan rukhsah  
dan keringanan dalam  
melaksanakan ibadat

Peluang bagi manusia untuk  
menyempurnakan rukun islam  
yang ke-5 dan mendapat  
keredhaan serta ganjaranyang  
besar daripada Allah

Jalan bagi umat islam untuk  
berlumba-lumba dalam  
mendapatkan kebaikan dan  
menyumbang bakti

Haji merupakan syiar islam  
yang penting dan utama serta  
perlu diberikan keutamaan  
oleh golongan yang  
berkemampuan